

PM dapat sanjungin ketua2 kerajaan

19 OKT 1980

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kecekapan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyelesaikan isu pemilihan Setiausaha Agung baru Komanwel dengan cepat dan memuaskan semua pihak yang terlibat hari ini mendapat sanjungan ketua-ketua kerajaan pertubuhan itu.

Jika tidak kerana kecekapan beliau, kata mereka, isu tersebut mungkin berlarutan dan boleh mengganggu agenda lain yang lebih mustahak.

Kemampuan Datuk Sri Dr. Mahathir jelas menunjukkan beliau mempunyai ketokohan seorang pemimpin dunia, kata mereka.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Mesyuarat Ketua - Ketua Negara Komanwel (CHOGM) kali ini telah mempengerusikan sesi pemilihan Setiausaha Agung baru pertubuhan itu semalam.

Beliau telah mengusulkan supaya pemilihan dibuat secara sulit. Calon dari Nigeria, Chief Emeka Anyaoku mengalahkan bekas Perdana Menteri Australia, Malcolm Fraser dalam pemilihan tersebut.

Walaupun cara itu bertentangan dengan tradisi Komanwel yang mencari penyelesaian dengan mencapai kata sepakat, ia telah diterima oleh semua negara anggota.

Selepas pemilihan itu, **Perdana Menteri** memberitahu bahawa beliau sendiri yang mengira kertas undi dan hanya beliau yang tahu jumlah undi yang diperolehi oleh kedua-dua calon. Beliau berikrar tidak akan memberitahu sesiapa pun termasuk isterinya.

Presiden Cyprus, Dr. George Vassilou yang ditinjau pendapatnya mengenai pemilihan itu berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengendalikannya dengan bijak.

"Beliau mempunyai ketokohan seorang pemimpin dunia, saya begitu berpuas hati dengan caranya.

"**Perdana Menteri** kamu berjaya menyelesaikan isu itu dalam masa sehari sahaja sedangkan sebelum ini para perwakilan menjangkakan perkara itu akan berlarutan sehingga dua tiga hari," tambahnya.

Perdana Menteri Negara St. Kitts & Nevis, Dr. Kennedy A. Simmonds pula berpendapat, Datuk Sri Dr. Mahathir telah menunjukkan kemahirannya dalam mengendalikan persidangan antarabangsa.

"Kemampuannya menjalankan pemilihan semalam dengan baik membuktikan hakikat itu. Beliau berjaya meyakinkan semua pihak dengan cara pemilihan sulit.

"Datuk Sri Dr. Mahathir juga dapat mengawal keadaan mesyuarat dan pemilihan berjalan dengan tenang dan berkesan," tambah Dr. Simmonds.


Menurut ketua negara dari Kepulauan Caribbean itu lagi, selaku pengerusi mesyuarat kali ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berjaya menentukan dan mengawal rentak persidangan itu.

"Beliau adalah seorang pemimpin besar. Negara anda dan Komanwel beruntung mempunyai tokoh seperti itu.

Menteri Luar Kenya, Robert Ouko pula gembira kerana mesyuarat Komanwel kali ini dipengerusikan oleh seorang tokoh yang mempunyai kemampuan dan pengalaman.

Menurutnya, setiap sesi berjalan dengan lancar kerana pengerusinya memahami aspirasi setiap negara anggota dan sentiasa memberi perhatian bcrat kepada perkara - perkara yang dibangkitkan.

Setiausaha Agung Komanwel yang akan ber-



MESYUARAT KETUA-KETUA
KERAJAAN KOMANWEL

19 OKT 1980

sara pada tahun depan, **Sir Shridath Ramphal** pula berkata, pemilihan penggantinya dapat dijalankan dengan baik kerana pengerusi mesyuarat (Datuk Sri Dr. Mahathir) mempunyai kemahiran yang tinggi.

Chief Anyaoku akan mengambil alih jawatan setiausaha agung itu dari Sir Shridath Ramphal pada pertengahan tahun depan.